

MAHATHIR - KILANG

(1)

1980

TANJUNG MALIM, 5 APRIL (BERNAMA)—RAKYAT YANG TINGGAL DI PUSAT-PUSAT SEPARA BANDAR DIMANA TERLETAK BERBAGAI PERUSAHAAN HENDAKLAH MEMONJORKAN SIKAP YANG POSITIF TERHADAP KILANG-KILANG, KATA DATUK SERI DR. MAHATHIR MOHAMAD KARI INI.

TIMBALAN PERSEKUTU MENTERI BERKATA BIASANYA RAKYAT DI PUSAT-PUSAT YANG TERPENCIL MEMINTA DIDIRIKAN PERINDUSTRIAN DI KAWASAN MERKA TETAPI BILA KILANG DIDIRIKAN SIKAP MERKA KEMUDIAN BERUBAH DAN SIKAP MEMBUAT ADUAN MENGANAINYA.

DATUK SERI DR. MAHATHIR, YANG JUGA MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, BERKATA RAKYAT DI PUSAT-PUSAT SEPARA BANDAR SEHARUSNYA MENGHARGAI PEKERJAAN YANG DAPAT DIADAKAN OLEH KILANG-KILANG KEPADA MERKA DAN ANAK-ANAK MERKA.

MERKA TIDAK SEHARUSNYA Mencari ISU-ISU NEGATIF TERHADAP KILANG UNTUK MEMBUAT ADUAN MENGANAINYA, TAMBAH BELIAU.

BELIAU MENYATAKAN DEMIKIAN SEBELUM MELETAK BATU ASAS BAGI BANGUNAN YANG DICADANGKAN BAGI CAWANGAN UMNO DI SINI.

—BERSAMBUNG 1904/AH

MAHATHIR - KILANG 2 TANJUNG MALAIM

(1)

TURUT HADIR IALAH DATIN SERI DR. SITI HASMAH, TIMBALAN MENTERI KEWANGAN ENCIK MAK HON KAM, YANG JUGA AHLI PARLIMEN KAWASAN ITU, DAN KETUA UMNO BAHAGIAN, AHLI DEWAN NEGERI ENCIK R. M. IDRIS.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERKATA BELIAU PERNAH MENDENGAR ADUAN BAHAWA GADIS LUARBANDAR YANG BEKERJA DI KILANG KURANG MELAKUKAN IBADAT DAN MEMPUYAI MORAL YANG RENDAH.

DALAM HAL INI BUKANLAH KILANG YANG HARUS DISALAHKAN. SEBALIKNYA RAKYAT HENDAKLAH MEMBIMBING GADIS-GADIS ITU KE JALAN YANG BENAR.

DATUK SERI DR. MAHATHIR BERSIMPATI DENRAN NASIB YANG DIHADAPI OLEH TANJUNG MALIM YANG KEHILANGAN KEDUDUKAN PENTINGNYA SEHALUAN DENGAN JALAN BESAR IPOH-KUALA LUMPUR BERIKUTAN PEMBUKAAN LEBUHRAYA TERSEBUT.

—BERSAMBUNG 1907/AH

MAHATHIR - KILANG 3 TANJUNG MALIM

(1)

INI, BAGAIMANAPUN, TIDAK DAPAT DIELAKKAN OLEH KERANA KERAJAAN MEMPUYAI TANGGUNGJAWAB MEMBINA JALAN-JALAN BARU YANG LEBIH TAIK BAGI MENENTUKAN KESELAMATAN YANG LEBIH TERJAMIN.

PENYELESAIAN TERHADAP DILEMA SEUMPAMA ITU YANG DIHADAPI OLEH TANJUNG MALIM TERMASUK SOAL KEMEROSOTAN PERNIAGAAN AKIBAT PEMBUKAAN LEBUHRAYA ITU IALAH DENGAN MEMBENARKAN GERAI-GERAI DIBUKA DI BAHAGIAN TERTENTU LEBUHRAYA TERSEBUT.

—BERNAMA 1910/AH

191